

DBKL perluas guna kamera badan penguat kuasa

Langkah elak insiden kekecohan tular berulang

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memperluaskan lagi penggunaan kamera badan (BWC) dalam kalangan anggota penguat kuasanya bagi mengelakkan insiden kekecohan yang tular sebelum ini daripada berulang.

Ahli Lembaga Penasihatnya, Lai Chen Heng, berkata ketika ini penggunaan kamera badan dalam kalangan anggota penguat kuasanya sudah dilaksanakan.

Bagaimanapun, katanya, penggunaan kamera badan ketika ini hanya membabitkan ope-

rasi besar-besaran seperti menyita atau menggempur premis tidak berlesen.

“Perluasan penggunaan kamera badan akan dicadangkan dalam masa terdekat, namun ada beberapa perkara perlu diteliti antaranya kos dan sistem penyimpanan data.

“Kita mempunyai beribu-ribu anggota penguat kuasa, selain kos kamera itu sendiri, kita perlu fikir bagaimana data yang diperoleh setiap hari itu akan disimpan. Kita juga perlu melabur untuk sistem penyim-

panan,” katanya kepada *BH*, semalam.

Ada garis panduan

Minggu lalu, keadaan tenang sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) digemparkan dengan kekecohan membabitkan beberapa kumpulan individu dengan penguat kuasa DBKL.

Insiden terbabit yang tular di media sosial dipercayai disebabkan tindakan diambil penguat kuasa DBKL terhadap individu yang didakwa berniaga tanpa lesen di lokasi berkenaan.

“Perluasan penggunaan kamera badan akan dicadangkan dalam masa terdekat, namun ada beberapa perkara perlu diteliti antaranya kos dan sistem penyimpanan data”

Lai Chen Heng,
Ahli Lembaga Penasihat DBKL



Penggunaan kamera badan anggota DBKL ketika ini hanya babit operasi besar-besaran seperti menyita atau menggempur premis tidak berlesen.

(Foto hiasan)

Mengenai insiden itu, Chen Heng berkata, setiap anggota penguat kuasa mempunyai garis panduan dalam menjalankan tugas.

Katanya, sebelum sesuatu tindakan diambil, anggota penguat kuasa akan mengeluarkan sekurang-kurangnya tiga notis kepada individu tidak mempunyai lesen atau melakukan sebarang kesalahan.

“Bayangkan sehari kami bagi tiga notis. Kalau 30 hari sudah berapa banyak notis kami keluarkan? Bila anggota tegur, individu berkenaan akan lari ke tempat lain sebelum kembali ke lokasi sama.

“Sejujurnya, kami kesal dengan kekasaran yang berlaku.

Oleh itu, kami sudah mengambil tindakan untuk mengurangkan impak (*damage control*) dengan merehatkan tiga pegawai terbabit. Sekiranya ada laporan polis, kami akan membuat siasatan dalaman terhadap mereka,” katanya.

DBKL merancang menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar pintar.

Katanya, banyak perkara perlu dilakukan, antaranya mengemas kini jalan sedia dan mengurangkan penjaja tidak berlesen.

“Namun, DBKL akan membantu mereka untuk mendapatkan lesen. Kita sarankan penjaja berurusan terus dengan DBKL tanpa perlu melalui persatuan,” katanya.